

Pemanasan global kecilkan tanah Indonesia

BH 11-1-2008 m/s 14

Kenaikan paras laut lima hingga 10 milimeter setahun hakis tebing pantai


INDONESIA yang dikenali negara kepulauan bakal kehilangan 405,000 hektar tanah di pesisir pantai berikutan kenaikan paras air laut dalam tempoh satu abad akan datang. Antara kawasan terjejas teruk adalah pantai utara Pulau Jawa, timur Sumatera dan selatan Sulawesi.

Ketua Hal Ehwal Bencana dan Pencemaran Alam Sekitar Jabatan Kelautan dan Perikanan, Dr Subandono Diposaptono berkata, panjang garis pantai Indonesia dianggarkan 81,000 kilometer dan setelah mengambil kira senario kenaikan permukaan laut akibat pemanasan global dan pencairan kutub utara dan selatan, maka paras laut akan naik sehingga satu meter dalam tempoh itu.

Data kenaikan paras laut di beberapa daerah seperti Jakarta, Jepara, Batam, Kupang dan Sorong mendapati paras air laut naik lima hingga 10 milimeter setahun dan dalam tempoh 25 tahun, kenaikannya meningkat sehingga 25 sentimeter (sm).

Jika ditambah dengan penurunan tanah pesisir pantai akibat penyedutan pasir dan air tanah besar-besaran yang mencapai 5m setahun maka wajar jika semakin lama pantai utara Jakarta semakin mudah terendam air laut setiap kali terjadi air pasang.

Tenggelamnya pantai utara Jakarta akan semakin dipengaruhi fenomena ketika bumi, bulan dan matahari sejajar dalam garis lurus dan bulan berada pada kedudukan paling hampir dengan bumi, sehingga membuatkan kejadian air pasang berlaku pada tahap maksimum.



TERANCAM: Keadaan pantai di Indonesia khususnya di utara Pulau Jawa dan timur Sumatera semakin terhakis berikutan kenaikan paras air laut.

Kini, katanya bulan semakin mendekati bumi dan mencapai puncaknya pada Jun 2008. Setelah itu bulan mulai kembali menjauh dari bumi mengikuti orbitnya dan akan kembali berada pada jarak terdekat menjelang 18.6 tahun lagi.

"Kita beruntung kerana jarak terdekat bulan pada bumi akan terjadi pada Jun 2008 ketika musim panas, sewaktu curahan hujan rendah, sehingga kemungkinan banjir di pantai utara pada Jun depan hanya pada tahap minimum," katanya.

Namun, bulan ini jarak bumi dan bulan agak hampir sehingga perlu diawasi khususnya pada 21 dan 22 Januari ini, kata Dr Subandono.

"Pada tahun ini banyak terjadi kes menyebabkan pesisir pantai tenggelam, bermula dengan pencairan kutub akibat pemanasan global, penyedutan air tanah dan faktor masa sehingga curahan

hujan menjadi tinggi," katanya.

Sebelum ini, *Republika* melaporkan Indonesia bakal kehilangan kira-kira 2,000 pulau kecil menjelang 2030 berikutan kenaikan permukaan paras laut dan pemanasan global.

Ketika membentangkan kertas kerja pada Seminar Nasional Geografi, di Universiti Negeri Yogyakarta (UNY), pertengahan tahun lalu, Ketua Stesen Geofisika Yogyakarta, Jaya Murjaya berkata, menjelang tahun itu, permukaan air laut meningkat lapan hingga 29sm dan terus meningkat 59sm menjelang 2100, menyebabkan banyak pulau kecil tenggelam.

Beliau berkata, jika air laut naik hingga dua kilometer dari pantai, luas wilayah Indonesia semakin kecil dan panjang pantai berkurangan berikutan pemanasan global dan penipisan ozon yang memberi kesan terhadap suhu muka bumi.

Suhu udara di Indonesia pula, katanya dijangka naik 0.3 dar-

jah Celsius setahun dan curahan hujan turun tiga hingga empat peratus setahun. "Hasil penyelidikan mendapati kenaikan suhu bumi disebabkan pelbagai faktor termasuk pembuangan gas karbon dioksida akibat kegiatan manusia," katanya.

Indonesia kini mempunyai kira-kira 17,000 pulau. Hanya beberapa pulau dikenali di peringkat antarabangsa seperti Pulau Jawa, Sumatera, Kalimantan, Sulawesi, Maluku, Bali dan Riau. Banyak lagi pulau kecil, sesetengahnya tidak mempunyai nama, malah ada dua atau tiga pulau menggunakan nama sama.

Sehubungan itu, pemerintah bercadang melengkapkan proses data pemetaan negara itu bagi memastikan semua pulau dikenal pasti dan dinamakan, berikutan kebimbangan perubahan cuaca mungkin menyebabkan negara akan kehilangan sebahagian wilayahnya.

Pegawai Pemetaan Kepulauan Kecil Indonesia, Alex Retraubuan, berkata negara itu mempunyai terlalu banyak pulau dan perangkaan rasmi tercatat ada 17,508 buah pulau semuanya, manakala sekurang-kurangnya tujuh pulau mempunyai nama sama.

"Daripada pulau terumbu karang atau puncak gunung berapi yang menjulang dari dalam laut, rangkaian pulau di Indonesia boleh disifatkan kepulauan terbesar di dunia," katanya.

Bagaimanapun, Retraubuan tidak menafikan jumlah pulau ini kini mungkin berkurangan, berikutan peningkatan paras air laut dan pemanasan global.

Awal tahun lalu, Menteri Alam Sekitar, Rachmat Witoelar melahirkan kebimbangan negara itu mungkin kehilangan banyak pulau kecil. Jadi, sebelum terlambat pemerintah perlu menyiapkan pemetaan pulau milik negara, selewat-lewatnya tahun ini.

"Rancangan pemetaan itu penting untuk memudahkan pemerintah melaksanakan sebarang dasar pada masa depan dan jumlah sebenar pulau di negara ini perlu diketahui dengan tepat," katanya lagi.

Sementara itu, Badan Alam Sekitar Indonesia yang mengendalikannya pemeliharaan alam sekitar mengemukakan hasil kajian yang agak membimbangkan penduduk republik itu apabila mengatakan 83 peratus wilayah di Indonesia kini terdedah kepada bencana banjir, kebakaran dan tanah runtuh.

Kebanyakan bencana itu, tidak termasuk kes gunung berapi dan gempa bumi, disebabkan sikap penduduk yang tidak peka mengendalikan alam sekitar seperti hutan ditebang, pembakaran terbuka, projek pembangunan di lereng bukit tidak diurus dengan sempurna dan banyak sungai tercemar menyebabkan banjir.